



Prof Madya Dr Kamariah Kamarudin berasal dari Terengganu dan bertugas sebagai penyelaras disertasi Program Bachelior (Kesusasteraan Melayu), Universiti Putra Malaysia.

Profil penulis

Pengarang kreatif dipelawa menghantar cerpen dan puisi ke halaman Sanggar Sastera, Perspektif, BH Ahad melalui e-mel bhsastera@bh.com.my. Sertakan biodata, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, nombor telefon, gambar yang jelas berukuran 2 megabait menggunakan sistem JPEG, nombor akaun Maybank atau CIMB. Cerpen tidak boleh melebihi 1,600 perkataan. Karya yang tidak disertakan nombor akaun bank tidak akan dibayar.

Doa seorang nenda yang tidak pernah berhenti.

Untuk anak dan cucu-cucunya dengan rimbunan kasih sayang mewangi

WANGIAN NOTA IBU BUAT PAPA

NOTA SATU

SAYA memanggilnya papa. Sejak kecil mengenalinya, maka itulah panggilan untuknya.

Mengapa dipanggil papa? Tidak memanggilnya 'pak su', atau 'ayah su', atau 'pak cik' yang lazimnya gelaran untuk lelaki bongsu dalam keluarga? Begitu pesan ibu saban masa 'papa merupakan satu-satunya adik ibu', ungkapan itu yang sentiasa bertakhta.

Maka, ibu berkisah zaman kanak-kanak dan remajanya. Mereka hanya dua beradik sahaja. Lantaran abang sulung telah meninggal dunia.

Abang sulung kepada ibu dan papa meninggalkan alam yang sebentar cuma ini tatkala ibu masih bergelar mahasiswa, dan papa baru menamatkan alam persekolahan menengahnya.

Saya temui diari ibu saat pulang ke rumah pusaka. Ya, rumah pusaka yang ditinggalkan gemulah nenda Sabariah dan Jamaludin untuk anak-anaknya dan kini untuk kami, barisan cucu-cucunya.

Sebuah keluarga kecil, yang sangat akrab bagai aur dengan tebing, ibarat cubit paha kanan, paha kiri akan terasa.

Kak Ngah@adik, itu panggilan ahli keluarga untuk ibu rupa-rupanya. Mengapa Kak Ngah, kerana ibu merupakan anak kedua. Mengapa adik,

lantaran anakanda ketiga nenda meninggal selepas lahir pada hari yang sama. Justeru usia ibu dengan papa agak jauh jaraknya. Jadi, nenda memanggil ibu dengan panggilan 'adik' sebelum papa dilahirkan ke dunia.

Sementelah ibu satu-satunya anak perempuan dalam keluarga. Banyak peruntukan ibu diberikan nenda. Daripada pakaian sehingga kelengkapan lainnya. Nenda Sabariah tidak pernah berkata 'tidak' untuk ibu, dan menaburkan ranum kasih-sayangannya. Saya terlongo seketika.

Kak Ngah@adik, bukan setakat dalam keluarga panggilan itu menyapa. Dalam kalangan jiran tetangga juga. Yang lucunya ada pula memanggil ibu dengan panggilan 'adik cikgu' yang membuatkan saya ternanga.

Mengapa dipanggil sedemikian rupa? Di kampung, nenda sangat dikenali sebagai guru yang berdedikasi dan penyayang orangnya.

Di kampung, nenda juga adalah wanita pertama yang menyumbang bakti dalam dunia pendidikan untuk anak bangsa.

Nenda sering kali dijadikan contoh tauladan oleh sanak saudara sebagai sumber inspirasi dalam menggapai cita-cita.

Kak Ngah@adik, banyak sungguh kisah ibu yang serasi dengan panggilan sedemikian rupa. Malahan tatkala papa diterima sebagai pelajar sekolah berasrama penuh di Labu, Negeri Sembilan sekali lagi panggilan Kak Ngah@adik melekat dalam dirinya.

Ketiadaan gemulah abang sulung dan adik bongsu di rumah menambahkan kehangatan dan keakraban antara ibu dengan nenda. Di mana ada ibu, di situ ada nenda. Di mana nenda berada, maka di situlah ibu akan turut serta. Ibarat belangkas sahaja. Maka, panggilan 'Kak ngah@adik' kekal sehingga ibu pula diterima masuk ke Universiti Malaya.

NOTA DUA

Papa yang dirindui, saya membaca nota ibu berkali-kali. Tahulah saya betapa kasih dan sayangnya ibu kepada papa, satu-satunya adik lelaki.

Kalian kala kecil sangat akrab seperti pelangi, dan mentari.

Kalian kala musim kanak-kanak banyak melakukan bersama-sama aktiviti.

Yang paling lucu, papa akan mengikuti arahan ibu tanpa bantahan terutama ketika beberapa situasi. Ibu mengenakan papa dengan baju gaunnya yang tidak muat dan dipakaikan kepada adinda bongsu yang disayangi.

Sangat melucukan sekali.

Saya yang melihat foto yang dirakam ibu ketawa berdekah-dekah mengenang ikatan kasih kalian mencipta memori.

Papa adalah anakanda bongsu yang ramai senangi. Papa merupakan anakanda bongsu yang tidak banyak kerenah, dan berdikari.

Sejak Tingkatan Satu papa ditempatkan di sekolah berasrama penuh banyak membentuk peribadi. Cuma tatkala awal persekolahan, gemulah nenda Jamaludin diselubungi pilu mengenangkan anakanda bongsu di asrama yang menyebabkannya sunyi dan sepi.

Nenda Jamaludin menangis, dan mahu papa ke rumah kembali. Namun cuba dibujuk nenda Sabariah dengan kata-kata nasihat, dan meyakinkan bahawa

papa akan menghadihkan keluarga dengan kejayaan suatu masa nanti.

Doa seorang nenda yang tidak pernah berhenti. Untuk anak dan cucu-cucunya dengan rimbunan kasih sayang mewangi.

Ibu diterima sebagai mahasiswa kampus Lembah Pantai. Begitu juga dengan papa yang akhirnya mengekori. Ibu dan papa merupakan mahasiswa Universiti Malaya, kampus yang tersohor sejak dulu lagi.

Papa yang sangat akur dengan segala arahan nenda sejak tahun pertama sehingga usai menamatkan pengajiannya di kampus bestari.

Pada tahun akhir pengajian, papa diarahkan menetap bersama-sama ibu di rumah sewa kerana wajar menemani satu-satunya kakaknya yang disayangi.

Ibu diduga dengan penyakit misteri. Nenda begitu rawan sekali. Kegundahan berganda dan merata-rata mencari penawar dan sakti. Tapi akhirnya dengan izin Ilahi, ibu dapat dirawati.